

17/07/1999

Masjid Putra model penyebaran Islam

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan akan menjadikan Masjid Putra di pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan di Putrajaya, sebagai model penyebaran Islam.

Hasrat itu dilahirkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mempengerusikan mesyuarat ke-40 Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam di Putrajaya, hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, berkata bagi mencapai hasrat itu, program membangunkan umat Islam ditingkatkan mulai sekarang, bermula di Masjid Putra.

"Maknanya, melalui Masjid Putra, akan terpancar ajaran Islam sebenar. Lebih banyak program kesedaran akan dilaksanakan ke arah pembangunan umat Islam serta negara untuk dijadikan panduan kepada masyarakat," katanya ketika dihubungi hari ini.

Selain Dr Abdul Hamid, hadir sama di mesyuarat itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad; Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib; Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad; Menteri Besar Pahang, Datuk Adnan Yaakob; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Isnin; Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu Sukam, wakil-wakil Menteri Besar dan Ketua Menteri yang lain serta Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Masjid Putra, satu daripada mercu tanda pusat pentadbiran baru kerajaan, boleh menampung kira-kira 15,000 jemaah. Masjid itu dihiasi kubah berwarna merah jambu, menara setinggi 116 meter dan menghadap sebuah tasik buatan.

Ia terletak berhampiran bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang menempatkan Pejabat Perdana Menteri.

Dr Abdul Hamid berkata, Islam mengajar umatnya supaya bekerja bersungguh-sungguh untuk membangunkan diri dan negara.

"Jadi, mulai sekarang kerajaan akan menggunakan institusi masjid, bermula Masjid Putra untuk meningkatkan kekuatan umat Islam dan imej Islam di negara ini," katanya.

Beliau berkata, pada mesyuarat itu juga Perdana Menteri mahu khutbah Jumaat memberi tumpuan terhadap masalah sosial dalam masyarakat sekarang bagi memberi dan meningkatkan kesedaran orang ramai.

Katanya, Dr Mahathir selaku pengerusi majlis itu, turut menekankan masalah penyalahgunaan dadah yang perlu ditangani menerusi pendekatan agama dan rasa kebencian ke atas tabiat itu perlu ditanam di kalangan masyarakat.

"Perdana Menteri mengarahkan khutbah Jumaat di masjid mengutamakan masalah sosial dalam masyarakat sekarang," katanya sambil menambah, pendekatan agama adalah cara terbaik menangani gejala sosial.

Dr Abdul Hamid berkata, mesyuarat hari ini juga menekankan perlunya mencari jalan supaya agama Islam disebarkan kepada bukan Islam dengan cara bijaksana, bukannya menakutkan golongan itu.

(END)